UUM/AA88/SH/06.10.2026/P:16(1-4)

Sinar VARSITY
Campus Now, Nation Next!

Follow kami juga di FB & IG



Mohamad Amar Aidid menerima anugerah Tokoh Siswa Negara 2026 daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

FOTO: BERNAMA

VARSITY ICON

Mohamad Amar Aidid Tokoh Siswa Negara

Berazam bawa suara mahasiswa hingga diiktiraf di peringkat negara

Oleh WAN NOR ROSIDA



FOTO: FB UUM

Mohamad Amar Aidid (tiga dari kanan) bersama penerima anugerah pelbagai kategori sempena Majlis Anugerah Tokoh Siswa Negara 2026.



Tidak pernah terlintas dalam fikiran Mohamad Amar Aidid Mohd Zain bahawa langkahnya menyertai Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Utara Malaysia (UUM) akhirnya membawanya ke pentas Anugerah Tokoh Siswa Negara (ATSN) 2026.

Pelajar UUM itu dinobatkan sebagai penerima ATSN 2026 berdasarkan daya kepimpinan cemerlang ketika menerajui MPP UUM bagi sesi 2024/2025 serta Timbalan Ketua Penerangan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK).

Bagi anak kelima daripada enam beradik itu, pengiktirafan berkenaan bukan sekadar kejayaan peribadi, sebaliknya hasil sokongan keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa menjadi kekuatan sepanjang perjalanan kepimpinannya.

"Ketika pertama kali saya menjejakkan kaki ke dalam MPP, saya tidak pernah bermimpi pun untuk berada di sini.

"Namun, Alhamdulillah, perancangan Allah itu sebaik-baik perancangan dan hari ini saya diberikan satu anugerah yang bagi saya cukup besar," katanya ketika ditemui selepas Majlis ATSN 2026, pada Khamis.

ATSN 2026 disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bagi Mohamad Amar, latar belakang keluarga B40 yang dilaluinya sejak kecil menjadi antara pencetus utama untuk beliau terus memperjuangkan kebajikan mahasiswa, khususnya mereka yang berdepan kekangan kewangan.

"Saya lahir dan dibesarkan dalam denyut nadi mahasiswa daripada keluarga sebegitu, jadi saya memahami keadaan rakan-rakan yang melalui cabaran sama.

"Apabila masuk universiti, saya melihat ada tanggungjawab untuk membantu rakan-rakan lain terutama daripada keluarga B40 yang memerlukan," katanya.

Mohamad Amar dibesarkan oleh ibu selepas bapanya meninggal dunia pada 2012.

Sebagai anak kelima daripada enam beradik, beliau turut bergantung kepada pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi membiayai pengajian.

Namun, keadaan itu tidak menghalangnya daripada berusaha mencari pendapatan sendiri bagi menampung keperluan pengajian dan membantu keluarga.

Malah, beliau mula menceburi bidang perniagaan sejak Tingkatan Tiga dan pernah kerja sambilan dalam bidang dandanan serta penggayaan rambut.

Pendapatan daripada pekerjaan itu digunakan untuk menampung keperluan sepanjang pengajian, selain membantu ibunya dan keluarga.

Lebih menarik, pengalaman mencari sumber pendapatan sendiri turut mendorongnya membuka peluang kepada mahasiswa lain yang berdepan kesukaran kewangan.

"Saya buat secara sambilan dan dalam masa sama, saya ajak mahasiswa daripada kalangan B40 untuk bekerja bersama.

"Saya rasa sekurang-kurangnya kami dapat bantu mereka memperbaiki sumber ekonomi dan kehidupan mereka," katanya.

Bukan semata-mata kejayaan individu

Dalam kesibukan membahagikan masa antara pengajian, keluarga, pekerjaan sambilan dan tanggungjawab sebagai pemimpin mahasiswa, beliau mengakui perkara itu bukan sesuatu yang mudah.

Bagaimanapun, beliau menganggap tanggungjawab tersebut perlu dilaksanakan sebaik mungkin selepas memilih untuk berada dalam dunia kepimpinan mahasiswa.

Antara pencapaian utama beliau termasuk memimpin Kempen Solidariti Mangsa UPSI Nahas Gerik yang berjaya mengumpulkan dana bantuan sebanyak RM290,651.51.

Menurutnya, kejayaan yang dicapai tidak wajar dilihat sebagai kejayaan individu kerana ia turut melibatkan sokongan pasukan MPP UUM serta rakan-rakan dalam Jawatankuasa Tindakan Ekonomi Mahasiswa UUM.

"Saya sudah berjanji kepada diri sendiri untuk memberikan sepenuhnya diri saya kepada masyarakat, universiti dan negara serta mengembalikan khidmat bakti kepada negara," katanya.

FAKTA PANTAS

Nama: Mohamad Amar Aidid Mohd Zain
Usia: 23 tahun
Asal: Tanah Merah, Kelantan
Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pembangunan (Kepujian), UUM

Jawatan:
- Ketua Penerangan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan 2024/2025
- Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar UUM 2024/2025
- Ahli Senat UUM 2024/2025
- Ahli MPP UUM 2025/2026
- Pengerusi Jawatankuasa Tindakan Ekonomi UUM 2025/2026
- Ahli Dewan Negeri Belia Kelantan 2025/2026
- Pengarah Makmal dan Dialog Kemenjadian Mahasiswa Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035

Pencapaian:
- Menyalurkan sumbangan RM290,651.51 Kepada mangsa UPSI: Nahas gerik
- Global Student Leader Summit, Tokyo, Jepun
- ASEAN University Network Student Affairs Network (AUN-SAN), Brunei
- * IMT-GT Varsity Carnival, Thailand

Pengiktirafan:
- Ikon Siswa Harapan & Tokoh Kepimpinan UUM
- Tokoh Siswa UUM 2026
- Anugerah Tokoh Siswa Negara 2026